

Malaysia, UAE sedia perkukuh hubungan

Anwar bertemu pemerintah Abu Dhabi dalam lawatan kerja dua hari

Abu Dhabi: Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengadakan lawatan kerja dua hari ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada Khamis dan Jumaat, diterima menghadap Presiden UAE, Sheikh Mohamed Zayed Al Nahyan di Istana Presiden, di sini.

Anwar yang tiba di Qasr Al Shati pada jam 11 pagi Khamis, turut mengadakan pertemuan empat mata dengan pemerintah Abu Dhabi itu.

Kedua-dua pemimpin membincangkan hubungan dua hala serta meneroka peluang untuk menjalin kerjasama selanjutnya yang boleh mempercepat agenda pembangunan lestari Malaysia dan UAE.

Mereka turut mengkaji kerjasama sedia ada serta membincangkan cara membina hubungan ini terutama dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan, tenaga boleh diperbaharui serta keterjaminan makanan yang memenuhi visi kedua-dua negara ke arah masa depan yang mampan dan makmur.

Pada pertemuan itu, kedua-duanya turut menekankan kepentingan mempromosi kerjasama ke arah mewujudkan perkongsian ekonomi yang komprehensif di antara Malaysia dan UAE pada masa terdekat, selain perkembangan terkini peringkat serantau dan antarabangsa serta bertukar pandangan mengenai pelbagai topik yang mempunyai kepentingan bersama.

Yang turut hadir Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz serta Duta Besaf Malaysia ke UAE, Datuk Seri Ahmad Fadil Shamsuddin.

Terdahulu, sejurus ketibaan, Perdana Menteri mengadakan mesyuarat bersama Menteri Pelaburan UAE, Mohamed Hassan Al Suwaidi.

Anwar juga mengadakan sesi tidak rasmi bersama Pengerusi merangkap Pengarah Urusan Lulu Group International, MA Yusuff Ali; Pengarah Urusan Pihak Berkuasa Pelaburan Abu Dhabi (ADIA), Sheikh Hamed Zayed Al Nahyan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Mubadala,



Anwar melawat Bandar Raya Masdar di Abu Dhabi. Turut serta Zambry dan Tengku Zafrul (dua dari kanan).
(Foto BERNAMA)

Khaldoon Al Mubarak.

Beliau turut menghadiri persidangan meja bulat bersama pemimpin industri di UAE.

Pada Jumaat, Perdana Menteri dibawa melawat Bandar Raya Masdar yang terkenal sebagai bandar lestari terancang pertama di dunia, sekali gus menggariskan komitmen Malaysia ke arah pembangunan yang lestari dan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui.

Perdana Menteri juga akan melawat Universiti Kecerdasan Buatan Mohamed bin Zayed (MBZUAI) sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid Besar Sheikh Zayed, sebelum mengakhiri lawatan dengan 'Sesi Bersama Rakyat Malaysia' menetap di UAE.

Mengulas mengenai pertemuan dengan pemimpin industri UAE pada sesi meja bulat, Anwar berkata, Malaysia kini mencatat kemajuan dalam usaha peralihan tenaga, selain bertindak mudah cara aspek menjalankan perniagaan di negara ini.

Komitmen laksana dasar baik

Pada pertemuan itu, beliau turut menekankan komitmen Malaysia melaksanakan dasar lebih baik serta jelas berkaitan aspek tenaga boleh baharu (TBB) dan kemajuan teknologi.

Malah, katanya, Malaysia muncul antara negara terawal di rantau Asia Tenggara yang menggerakkan usaha TBB dengan Sarawak sebagai hab tenaga utama dan membekalkan tenaga kepada ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan.

Pada masa sama, Malaysia turut terbabit dalam perdagangan tenaga rentas sempadan pertama di rantau ASEAN di bawah Projek Integrasi Tenaga Laos-Thailand-Malaysia-Singapura untuk mengukuhkan Grid Tenaga ASEAN.

“Kapasitinya sebegitu besar berikutan pelaburan baharu yang bergantung kepada grid dan tenaga boleh baharu ini,” katanya.

Pada sesi itu, Perdana Menteri turut meyakinkan pemimpin industri UAE bahawa Malaysia adalah negara mesra perniagaan, termasuk langkah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) melancarkan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030.

“NIMP membentangkan hala tuju jelas mengenai apa yang perlu dilaksanakan dan kejelasan sedemikian adalah wajar untuk kemudahan menjalankan perniagaan. Ini penting bagi memastikan kita kekal kompetitif,” katanya.

Anwar berkata, Malaysia adalah peneraju dari segi teknologi baharu dalam industri mikroip serta semikonduktor membabitkan kalangan negara sedang pesat membangun.

Beliau turut berkongsi rasa optimis Malaysia kini di landasan tepat untuk mengulangi pencapaian ekonomi mantap seperti pada 90-an, bersama-sama dengan negara ASEAN.

Sementara itu, Anwar turut menerima panggilan telefon daripada Putera Mahkota Arab Saudi, Putera Mohammed Salman, kelmarin.

Agensi Akhbar Saudi (SPA) melaporkan, menerima panggilan itu, kedua-dua pemimpin terbabit berbicara mengenai hubungan dua hala yang istimewa, termasuk peluang pembangunan kedua-dua negara.

Malaysia dan Arab Saudi menjalin hubungan diplomatik sejak 1961. Arab Saudi ialah rakan dagang terbesar Malaysia di Asia Timur dengan jumlah perdagangan bernilai lebih AS\$10 bilion pada 2022. BERNAMA